

Sinar Harian m/s 39
27/1/2019



Alauddin Ali bersama nelayan bot fiber yang lain terpaksa berahat sehingga keadaan cuaca kembali normal.

Nelayan tak berani turun laut

Walaupun laut kelihatan tenang, namun gelombang besar gusarkan nelayan cari rezeki

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

DUNGUN

Walaupun laut kelihatan tenang tetapi musim sekarang masih berbahaya dan berisiko kepada nelayan.

Nelayan khususnya pemilik bot fiber terpaksa berahat dan sebahagiannya mencari pekerjaan alternatif lain untuk menyara kehidupan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Daerah Dungun, Alauddin Ali berkata, boleh dikatakan 95 peratus nelayan di daerah ini tidak dapat ke laut pada masa sekarang yang masih berada dalam musim tengkujuh.

Menurutnya, hanya sebahagian kecil khususnya nelayan bot besar yang berani meredah gelombang untuk mendapatkan bekalan hasil laut kepada pelanggan.

"Walaupun dari daratan kelihatannya laut tenang tetapi musim sekarang gelombangnya masih besar.

"Memang nelayan bot fiber tidak berani kerana hanya menempah maut jika tetap keluar menangkap ikan.

"Keadaan begini akan berterusan sehingga Mac atau selepas raya Cina dan mungkin juga sehingga ke April," katanya.

Jelasnya, walaupun tiada sumber pendapatan, nelayan terpaksa reda dan memang sudah menjadi kebiasaan keadaan ini dihadapi mereka.

"Ada sebahagiannya membuat kerja sampingan dan sebahagiannya terpaksa menunggu keadaan cuaca kembali normal.

"Kebanyakkan nelayan juga tidak mahir dalam pekerjaan lain dan hanya menunggu sehingga keadaan laut tidak lagi berbahaya," katanya.

Hasil udang berkurangan

Alauddin berkata, situasi sekarang juga dikatakan sebagai musim udang tetapi bekalan yang ada kurang memberangsangkan tahun ini.

"Nelayan pukat tunda yang memburu udang tetapi tahun ini tidak ramai yang ke laut.

"Hasilnya juga kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan tahun lepas disebabkan pelbagai faktor termasuk aktiviti mengorek pasir menyebabkan hasil

udang berkurangan," katanya.

Bot besar berani turun laut

Sementara itu, Tekong bot besar, Taha Mohd Amin, 63 berkata, bot seberat 35 tan berperanan mendapatkan bekalan ikan di laut untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Menurutnya, walaupun kurang berisiko tetapi jika berlaku gelombang besar di tengah laut, anak-anak buah yang bekerja tetap berisiko gadai nyawa.

"Kalau angin kuat tak pergi juga tetapi kalau tengah laut tiba-tiba angin kuat terpaksa redah dan mengharung bahaya.

"Sekali turun, nelayan akan pulang dalam tempoh tiga atau empat hari.

"Mereka menangkap ikan dengan cara memancing dengan kekuatan tujuh hingga lapan orang," katanya.

Katanya, sekali mendarat anak buahnya akan membawa naik hasil tangkapan lebih kurang 1,800 kilogram ikan.

"Walaupun tidak ramai nelayan dapat turun ke laut pada musim ini, keuntungan diperoleh tidaklah berbanding.

"Harga ikan segar memang lagi tinggi sekarang dan bolehlah kita kait keuntungan lebih sikit," katanya.



Taha melihat pekerjaan bersiap sedia untuk keluar menangkap ikan.



Hasil tangkapan udang berkurangan disebabkan pelbagai faktor.



Bot fiber terpaksa direhatkan walaupun cuaca kelihatan tenang.